

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia
Tarikh : 16/02/2018
Edisi / Muka Surat : Nasional / 2

Koperasi perlu penjenamaan semula

KLANG 15 Feb. - Perniagaan koperasi perlu melakukan penjenamaan semula untuk membawa kembali keyakinan masyarakat terhadap barangan keluaran pertubuhan tersebut.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, penjenamaan perlu dilakukan dan peranan perlu dipertingkatkan bagi mengubah persepsi terhadap produk keluaran koperasi yang dikatakan tidak setanding dengan produk lain.

Menurut beliau, masyarakat tidak sedar bahawa kebanyakan produk seperti Samsung dan Dutch Lady sebenarnya dikeluarkan oleh koperasi, namun dapat menarik perhatian pengguna berikutan jenama perniagaan yang digunakan.

"Pemilikan koperasi ini tidak berubah cuma jenama perniagaan mereka menjadi identiti baharu kepada produk koperasi. Kita cuma mencadangkan sahaja namun terserah kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk menilainya.

"Cadangan ini diusulkan kerana kita melihat ia mampu meningkatkan pendapatan sekaligus keinginan ahli koperasi untuk berubah dan tidak menganggap koperasi satu pertubuhan yang biasa," katanya dalam sidang akh-



ISMAIL Sabri Yaakob menerima resolusi konvensyen daripada Busu Ngah (kiri) mewakili koperasi Orang Asli sambil disaksikan Alexender Nanta Linggi (kanan) dan Abdul Fattah Abdullah (dua dari kanan) dalam majlis Penutup Konvensyen Orang Asli Peringkat Kebangsaan 2018 di Klang, semalam. - UTUSAN/MOHD. SHAHARANI SAIBI

bar selepas menutup Konvensyen Orang Asli Peringkat Kebangsaan di sini hari ini.

Yang turut hadir, timbalannya, Datuk Alexender Nanta Linggi; Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah dan Ahli Dewan Negara dari masyarakat Orang Asli, Senator Datuk Isa Ab. Hamid.

Ismail Sabri berkata, kementerian melalui Jabatan Kemajuan

Orang Asli (Jakoa) menyasarkan 20 koperasi Orang Asli mempunyai perolehan RM20 juta menjelang 2020.

Jelasnya, setakat ini dengan keahlian 13,599 ahli, terdapat 94 koperasi Orang Asli yang mana 88 daripadanya merupakan koperasi jenis mikro berpendapatan RM200,000, lima koperasi kecil berpendapatan RM200,000 hingga RM1 juta serta sebuah koperasi sederhana berpendapa-

tan RM1 juta hingga RM5 juta.

"Kebanyakan daripada mereka menjalankan perniagaan jenis pertanian dan kita tidak mahu mereka menumpukan hanya dengan satu jenis sahaja.

"Mereka mungkin boleh mencuba perniagaan ternakan kerana ia mudah dilaksanakan berdasarkan kawasan sekitar dan menceburi bidang pelancongan desa yang mampu melonjakkan pendapatan," ujarnya.